

Tinjauan awal terhadap lukisan Gua Kain Hitam (The Painted Cave) Niah, Sarawak

ABSTRACT

Penulisan ini adalah penyelidikan rintis yang telah dilakukan dalam usaha mengenal pasti tapak kajian yang bersesuaian. Secara keseluruhannya, penulisan ini membincangkan hasil dapatan awal penulis tentang lukisan purba setelah mengunjungi Gua Kain Hitam (The Painted Cave) Niah, Sarawak. Objektif utama penulis adalah untuk mengenal pasti imej dan motif yang telah dihasilkan pada panel dinding gua tersebut. Seterusnya, penulis juga membuat analisis ringkas terhadap beberapa imej yang telah dikenal pasti. Tapak ini dipilih kerana penulis melihat kepentingan yang ketara dalam memelihara imej yang semakin pudar. Perkara ini dilihat serius kerana lukisan gua tersebut adalah khazanah warisan negara yang patut dipelihara. Lukisan purba tersebut adalah bukti kepada pembangunan pemikiran masyarakat purba sebelum zaman moden ini. Pada akhir peringkat penyelidikan ini, penulis menghasilkan semula imej dalam bentuk digital sebagai koleksi untuk simpanan pada masa akan datang. Usaha ini adalah penting dalam mengekalkan warisan seni khususnya seni visual kerana ia adalah pemangkin kepada perkembangan bidang seni visual di Malaysia.